

Pelatih PUSPEN lemas di tasik

Oleh **RoselanAb Malek** - Mei 19, 2022 @ 8:09pm

bhnews@bh.com.my



Dua pelatih PUSPEN di Raub ditemui lemas ketika mandi di tasik pusat itu, petang tadi. -
Foto IHSAN BOMBA

RAUB: Dua pelatih Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) di Kampung Kundang Patah, Sungai Ruan di sini, ditemui lemas ketika mandi di tasik pusat itu petang tadi.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria, berkata Pusat Gerakan Operasi menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian lemas pada jam 3.04 petang.

"Sepasukan tujuh pegawai dan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Raub dihantar ke tempat kejadian.

"Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) mangsa dilakukan menggunakan teknik pencarian di permukaan menggunakan peralatan khas," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, mangsa pertama, Sha'ari Sabri, 43, ditemui kira-kira jam 4 petang pada kedalaman 10 meter manakala Asrul Abdullah 37, ditemui pada jam 4:04 petang, berada di kedalaman lapan meter.

Mayat dibawa naik dan diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.